



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



TEKS UCAPAN PERASMI

MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH KE - 23

DEWAN AL-JAZARI

YBHG. DATUK SERI (Dr.) SYED HUSSIAN ALJUNID
PENGERUSI KUMPULAN MEDIA PRIMA BERHAD



Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha Technologist Roseman bin Mat Jidin

Timbalan Pengarah Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha Technologist Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti

Pengarah-pengarah Bahagian

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Wakil-wakil industri

Rakan-rakan media

Yang diraikan ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya merafakkan rasa syukur kerana diberi keizinan oleh-Nya untuk bersama-sama meraikan para graduan dalam Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) kali ke-23. Terima kasih kerana sudi mengundang saya untuk bersama keluarga besar ini. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan sekalung **tahniah dan syabas kepada 1,684 graduan yang akan menerima ijazah sarjana muda, diploma dan sijil penganugerahan masing-masing.** Tahniah kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang serta cekal dalam mengharungi tekanan dan cabaran yang timbul sepanjang pengajian.
2. Tahniah juga diucapkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang turut sama meraikan majlis konvokesyen yang sangat bermakna buat graduan sekalian. Pengorbanan tuan/puan selama ini terbalas dengan kejayaan para graduan pada hari ini. Tidak lupa

juga ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam mencurahkan ilmu. Tahniah!!! Usaha yang diberikan amat bermakna buat negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti.

Tuan-tuan, puan-puan, para pensyarah, para graduan serta hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hasil laporan *Future of Jobs Survey, World Economic Forum* (WEF) 2020, mendapati bahawa terdapat perubahan dalam permintaan pekerjaan akibat perkembangan teknologi. Dapatan tersebut menunjukkan **pekerjaan terbaharu bakal mengambil alih pasaran kerja dunia** seperti robotik, *Artificial Intelligence* (AI), saintis data raya dan transformasi digital yang akan menggantikan pekerjaan semasa seperti kerani kemasukan data, setiausaha eksekutif, akauntan dan juruaudit.
4. Sehubungan itu, untuk melahirkan graduan yang mampu bersaing dengan **cabaran Revolusi Perindustrian ke-4 (IR 4.0)**, mahasiswa perlu diterapkan dengan ilmu dan kemahiran tinggi di samping elemen 4C iaitu *Critical Thinking & Problem*

Solving, Communication, Collaboration dan *Creativity*.

Mahasiswa juga perlu menguasai aspek kepemimpinan, keusahawanan, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, pengurusan maklumat serta etika dan moral profesional sekaligus berupaya menghadapi perubahan global yang kini menuju ke arah Revolusi Perindustrian ke-5 (IR 5.0).

5. Di peringkat industri, kami juga turut komited bersama kerajaan bagi membantu insitisi pengajian tinggi dalam **memenuhi keperluan kurikulum berpacu industri dan tersedia masa hadapan**. Oleh itu, bagi memastikan kurikulum politeknik sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi terkini, kurikulum berteraskan industri telah dibangunkan dengan pembabitan pihak industri secara aktif. Di samping itu, industri juga sentiasa memberi sokongan melalui perkongsian teknologi dan kepakaran bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan.
6. Di peringkat Politeknik, kita melihat pembelajaran berasaskan *industry-led* seperti program WBL@PolyCC, *Structured Internship Programme* (SIP), CEO@PolyCC dan *Industry on*

Campus (IOC) yang diperkenalkan sangat realistik dan berupaya melahirkan graduan holistik yang memenuhi kehendak industri.

7. Pada hemat saya, keputusan para graduan memilih politeknik khususnya PSA sebagai laluan melanjutkan pelajaran adalah satu tindakan yang tepat memandangkan graduan TVET sememangnya menjadi rebutan pihak industri. Syabas dan tahniah kepada para graduan sekalian. Semoga kecemerlangan saudara dan saudari diteruskan dan dikembangkan apabila memasuki pasaran kerja kelak sekali gus memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Hadirin-hadirat dan para graduan sekalian,

8. Seperti yang Tuan Pengarah, Dr. Haji Mohd Zahari maklumkan sebentar tadi, tahun ini PSA meraikan **sambutan Jubli Perak sempena 25 tahun penubuhannya**. Bagi pihak industri yang telah lama menjalin kerjasama dengan PSA, kami melihat PSA giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan graduan yang dihasilkan bersifat holistik, relevan dan tersedia untuk menghadapi pasaran kerja.

9. PSA juga amat komited dalam melahirkan **graduan Tahfiz TVET** melalui Program Technohuffaz. Program technohuffaz yang memberi peluang kepada pelajar politeknik untuk mengikuti Program Huffaz diharap akan melahirkan graduan TVET yang global dan holistik seterusnya membina masyarakat yang '*multi-tasking*' dan '*multi-skilling*' dalam mendepani cabaran global. Harapan saya, program ini akan dapat diperluaskan ke institusi TVET yang lain sekali gus melahirkan lebih ramai teknokrat huffaz di negara ini.
10. Saya juga ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada **Centre for Medical Electronic Technology (CMET)** PSA yang memberi khidmat kepakaran penentukuran (*calibration*) peralatan pengujian perubatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Semoga pusat ini akan terus berkembang sebagai pusat penyelidikan dan latihan dalam bidang teknologi perubatan yang terkemuka di dalam dan juga di luar negara.
11. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada PSA kerana telah diiktiraf sebagai **Pusat Bertauliah** oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Saya menyeru agar

semua graduan untuk mengambil peluang menyertai program-program di bawah Pusat Bertauliah ini memandangkan ia adalah platform yang sangat baik dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran graduan.

12. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada PSA kerana berjaya menjadi tuan rumah bagi sambutan **Minggu TVET Negara 2022** yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 20 Jun 2022. Penganjuran Sambutan Minggu TVET Negara ini melihatkan kesungguhan kerajaan dalam memacu pendidikan TVET sebagai pemangkin utama dalam melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi seperti mana negara maju yang lain.
13. Sebelum mengudurkan diri, sekali lagi syabas dan tahniah kepada PSA atas kejayaan mengekalkan kadar **kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu 94.7% bagi tahun 2021**. Kadar ini sangat membanggakan terutamanya ketika kita masih dalam peringkat pemulihan akibat pandemik Covid-19 di samping keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

14. Pesan saya, bekerjalah bersungguh-sungguh dengan jujur, amanah dan ikhlas untuk menabur bakti kepada ibu bapa dan keluarga serta membangunkan negara yang tercinta ini. Akhirnya, saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini.

15. Dengan lafaz bismillahirrahmaniramin, **saya dengan ini merasmikan Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Kali Ke-23.**

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.